

*Perjalanan bersama Keluarga Anda
pada musim Natal ini*



Adven

(Kedatangan)

Renungan oleh
Pebbles and Stones

*Perjalanan bersama Keluarga Anda
pada musim Natal ini*



Adven

(Kedatangan)

Renungan oleh
Pebbles and Stones

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada
ALKITAB VERSI BORNEO Hak cipta © 2015

‘Dipetik daripada Alkitab © Borneo Sabda Limited’

© 2024 Kathleen Trock-Molhoek. Hak cipta terpelihara.

ISBN: 978-0-9914752-6-1

Renungan ini adalah berhak cipta dan semua hak adalah terpelihara oleh Kathleen Trock-Molhoek.

Bahan ini tidak boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada Kathleen Trock-Molhoek.

PENGARANG

Kathleen Trock-Molhoek
Raina Stagg

REKA BENTUK dan SUSUN ATUR

Shebatt Quinones
Kathleen Trock-Molhoek
Raina Stagg
Silas Nash

DITERJEMAHKAN kepada Bahasa Melayu oleh

Jonathan & Lan Siang Yeoh
Steffi Ann Tabari
Komuniti Digital

Diterbitkan oleh
Pebbles and Stones



Isi Kandungan

Pengenalan	9
Pengubahsuaian untuk Kumpulan Besar	13
Minggu 1: Harapan	14
Minggu 2: Sukacita	16
Minggu 3: Kasih	18
Minggu 4: Damai Sejahtera	20
Hari Natal	22
Lampiran A: Doa Penyelamatan	24

Pengenalan

Dalam dunia yang terpesona dengan kilauan, lampu, dan Santa Claus, musim Adven adalah peluang bagi orang beriman di seluruh dunia untuk membaca dan merenungkan kelahiran Yesus, Penyelamat kita.

*“Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita,
seorang putera telah dikurniakan bagi kita.
Di atas bahunya tampak pemerintahan,
dan namanya akan disebut :
Penasihat Ajaib, Allah Perkasa,
Bapa Kekal, Raja Damai.”
Yesaya 9:6*

Renungan intergenerasi yang mempunyai 5 pelajaran ini, *Adven*, direka untuk membantu orang dari semua peringkat umur terlibat dalam peristiwa penting ini - bahawa Mesias yang dijanjikan datang sebagai Immanuel, Allah menyertai kita, untuk menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka (Mat. 1:21-23). Ia bermula pada Ahad pertama Adven (1 Dis.), berterusan hingga tiga Ahad berikutnya, dan memuncak pada Hari Krismas.

Renungan ini mengikuti kalendar liturgi di mana, secara tradisinya, empat lilin dinyalakan untuk mewakili tema harapan, sukacita, kasih, dan damai sejahtera dan lilin kelima dinyalakan pada Hari Krismas untuk mewakili Kristus. Semasa kita melihat peristiwa nubuatan sekitar kelahiran Yesus, termasuk nubuatan yang diberikan kepada Yesaya, lawatan malaikat kepada Maria, dan peristiwa lain yang dicatat oleh Lukas, renungan ini direka untuk membantu anda dan keluarga anda (atau kumpulan kecil, sekolah, gereja, dsb.) melibatkan diri dengan cerita dengan mendengar bagaimana Tuhan berbicara dengan anda melalui naratif Alkitab dan berkongsi renungan tersebut antara satu sama lain.

Setiap renungan 20 minit mempunyai empat bahagian utama:

- Soalan Pengenalan
- Doa kedengaran & Mencatat
- Cerita Alkitab
- Berkongsi & Berdoa

Semasa anda mula menggunakan pelajaran ini dengan keluarga anda (atau kumpulan kecil, gereja, dll.), kami menggalakkan anda untuk mewujudkan persekitaran yang mesra dan, jika boleh, minta semua orang duduk dalam satu bulatan. Anda mungkin ingin memperkenalkan sebab anda berkumpul dan perkara yang akan anda lakukan bersama.




SOALAN PENGENALAN (5 min)

Mulakan setiap pelajaran dengan menanyakan Soalan Pengenalan, yang memberikan setiap orang, sebuah hubungan peribadi kepada Cerita Alkitab. Ia juga membantu semua orang mengenali antara satu sama lain.

Selepas anda bertanya soalan, pastikan setiap orang mempunyai peluang untuk menjawab. Jangan paksa jawapan daripada sesiapa. Anda mungkin ingin bermula dengan berkongsi jawapan anda sendiri terlebih dahulu. Setelah semua orang berkongsi, gunakan jawapan keluarga anda (atau kumpulan) untuk beralih ke Cerita Alkitab.

CERITA ALKITAB (5-10 min)



Kongsikan Cerita Alkitab; kami menggalakkan anda menggunakan Alkitab semasa anda bercerita. Kami telah menyertakan perkara dan peristiwa penting sebagai titik tumpuan dalam setiap renungan, tetapi kami menggalakkan anda membaca cerita itu terlebih dahulu supaya anda boleh menceritakannya dengan cara yang menarik.

Semasa anda bercerita, tidak perlu menambah banyak tafsiran atau aplikasi. Berikan ruang untuk Roh Kudus untuk mengajar, menginsafkan, dan menggalakkan setiap orang dengan cara yang khusus untuk mereka semasa mereka melaksanakan bahagian seterusnya dalam renungan: Doa Kedengaran dan Mencatat.



DOA KEDENGARAN & MENCATAT (5-10 min)

Pastikan setiap orang mempunyai kertas dan krayon (atau bahan lain) supaya mereka boleh menulis atau melukis apa yang Tuhan katakan kepada mereka. Anda boleh memilih untuk memainkan muzik instrumental di latar belakang; jika anda berbuat demikian, pastikan ia tidak mempunyai melodi atau lirik yang biasa – ini boleh menjadi gangguan.

Galakkan semua orang untuk menenangkan diri secara luaran dan dalaman. Kami mencadangkan anda memulakan masa ini dengan berdoa dan meminta Roh Kudus untuk berbicara kepada setiap orang melalui Kitab Suci yang telah dikongsikan. Sebagai contoh, anda mungkin berdoa seperti ini:

Bapa yang dikasihi,

Saya datang untuk bersekutu dengan-Mu. Ada banyak perkara yang saya ingin beritahukan kepada-Mu. Saya ingin mendengar apa yang Engkau akan katakan kepada saya. Semasa saya merenung tentang cerita Alkitab hari ini, bantu saya untuk mendengar apa yang Engkau sedang katakan kepada saya melaluinya.

Sebagai permulaan, galakkan semua orang merenung soalan-soalan berikut:

Melalui Cerita Alkitab, apakah yang Tuhan beritahu anda...

- Mengenai Dirinya?
- Mengenai diri anda?
- Mengenai orang lain?
- Adakah terdapat apa-apa yang Dia minta anda lakukan?

Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



BERKONGSI & BERDOA (10 min)

Beri setiap orang peluang untuk berkongsi catatan mereka atau perbualan mereka dengan Tuhan. Selepas seorang berkongsi, kumpulan itu akan berdoa untuknya dengan pimpinan Roh Kudus. Minta kebenaran orang yang didoakan sama ada dia tidak keberatan jika ada ahli kumpulan meletakkan tangan di bahunya semasa berdoa untuknya.

Jika seseorang enggan berkongsi, jangan paksa mereka. Tanya jika anda atau orang lain boleh berdoa untuknya.

Jika ada yang tidak selesa berdoa dengan kuat, tidak mengapa. Sabar dan jangan paksa mereka. Jika mereka mahu, mereka masih boleh meletakkan tangan di bahu orang yang berkongsi, dan anda atau orang lain dalam kumpulan boleh berdoa.

Nota: adalah penting untuk mewujudkan persekitaran empati dan kepercayaan dalam kumpulan. Berikut ialah beberapa garis panduan yang kami cadangkan untuk berbincang dan komited dengan keluarga atau kumpulan anda:

- Kami di sini untuk mendengar, bukan hanya dengan telinga, tetapi dengan hati.
- Kami akan jujur; kami akan mempercayai satu sama lain dengan pengalaman dan renungan
- kita sebagaimana adanya, tanpa berselindung.
- Kami di sini untuk menggalakkan satu sama lain. Kami tidak akan membalas dengan usikan atau gurauan.
- Kami tidak akan menghakimi, cepat memberi nasihat, atau mempunyai sikap "tahu-semuanya".
- Apa yang dikatakan di sini kekal di sini; kami tidak berkongsi dengan orang lain tanpa kebenaran.

Nota: Jika seseorang berkongsi bahawa mereka mungkin tidak selamat atau berada dalam situasi bahaya, penderaan atau pengabaian, anda mesti mengikut garis panduan yang sesuai dan melaporkannya kepada pihak berkuasa tempatan. Ini termasuk: a) jika mereka berfikir untuk mencederakan diri sendiri; b) jika mereka berfikir untuk mencederakan orang lain; atau c) jika seseorang mencederakan mereka, orang tua, atau orang dewasa yang memerlukan penjagaan khas.

Pilihan: Jika anda mempunyai masa, anda boleh memilih untuk menamatkan setiap pelajaran dengan menyanyikan lagu pujian bersama-sama atau mengucapkan berkat ke atas keluarga anda.

Semasa anda bertemu, kami berdoa agar anda dan keluarga atau kumpulan kecil anda akan mengalami Efesus 1:17-21:

Aku berdoa semoga Allah kita Tuhan Yesus Kristus, iaitu Bapa kemuliaan, memberimu roh kebijaksanaan dan wahyu untuk mengenali-Nya. Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih, dan betapa besar kuasa-Nya bagi kita yang beriman. Demikianlah pelaksanaan kuasa-Nya yang agung itu dalam Kristus apabila membangkitkan-Nya daripada kematian dan mendudukkan-Nya di sebelah kanan-Nya di syurga. Allah meletakkan Kristus jauh di atas segala penguasa dan kekuasaan, kuasa dan pemerintahan, dan setiap nama yang dinamakan, bukan sahaja pada zaman ini tetapi juga pada zaman akan datang.

Pengubahsuaian untuk Kumpulan Besar

Untuk menggunakan renungan ini dengan kumpulan besar (iaitu beberapa keluarga, gereja, dsb.), kami mengesyorkan agar kumpulan besar dibahagikan kepada kumpulan kecil seramai 12 orang atau kurang. Semasa anda bersedia untuk fasilitet perjumpaan kumpulan besar, berikut adalah beberapa perkara yang harus diberi perhatian:

- Anda memerlukan pemimpin yang dilengkapi dan pemimpin bersama untuk setiap kumpulan kecil. Tidak sesiapa pun yang memimpin bersendirian.
- Adalah penting untuk memastikan setiap kumpulan kecil itu intergenerasi.

Dalam perjumpaan kumpulan besar, semua orang ada bersama semasa Soalan Pengenalan dan Cerita Alkitab. Tidak semua orang akan mempunyai masa untuk menjawab apabila anda bertanya Soalan Pengenalan. Ambil beberapa jawapan dan masukkan ke dalam Cerita Alkitab. Selepas Cerita Alkitab, beralih kepada kumpulan kecil, di mana ketua kumpulan akan:

- Ulangi Soalan Pengenalan, beri peluang kepada semua orang untuk menjawab.
- Buat rumusan secara ringkas bagi Cerita Alkitab, gabungkan jawapan kumpulan mereka kepada Soalan Pengenalan.
- Teruskan memimpin kumpulan kecil mereka melalui Doa Kedengaran & Mencatat dan Berkongsi & Berdoa.

Minggu 1: Harapan



Soalan Pengenalan: **Apakah sesuatu yang anda harapkan?**



Kita semua mempunyai perkara yang kita harapkan. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) Sama seperti Jenna berharap dia akan lulus ujiannya, dan Samuel berharap dia akan dapat berjumpa dengan rakan-rakannya, orang Israel mengharapkan seorang mesias, seorang penyelamat - seseorang yang akan menyelamatkan mereka.

Orang Israel telah menunggu selama beribu-ribu tahun, dan selama tahun-tahun itu ramai nabi telah memberitahu mereka bagaimana penyelamat akan datang:

- **Yes 7:14** – “... Sesungguhnya , seorang anak dara akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia akan menamainya Immanuel.”
- **Yes 9:6** – “Sesungguhnya , seorang anak telah lahir bagi kita, seorang anak telah dikurniakan bagi kita... dan Namanya akan disebut: Penasihat Ajaib, Allah Perkasa, Bapa Kekal, Raja Damai.”

*Banyak kali, kita tidak tahu bagaimana atau bila akan berlakunya apa yang kita harapkan. Tetapi orang Israel telah diberitahu melalui para nabi bahawa penyelamat akan datang sebagai seorang bayi, melalui kelahiran seorang anak dara. Beratus-ratus tahun berlalu, dan orang-orang yang mendengar kata-kata ini berpegang kepadanya dan menyampaikannya kepada anak-anak mereka, yang kemudiannya menyampaikannya kepada generasi yang seterusnya – sehingga apa yang Tuhan telah beritahu mereka melalui para nabi akhirnya berlaku. (**Lukas 1:1-2**). Cerita kita hari ini bermula dengan seorang malaikat memperlihatkan diri kepada Maria, seorang anak dara...*

Teruskan membaca cerita dari **Lukas 1:26-38**, termasuk peristiwa utama seperti:

- Tuhan menghantar malaikat Gabriel kepada Maria, di Galilea (anda mungkin ingin mencari Galilea pada peta).
- Malaikat itu berkata, “... Janganlah takut, hai Maria, kerana engkau telah diredai Allah. Engkau akan hamil dan melahirkan seorang anak lelaki. Engkau hendaklah menamai-Nya Yesus. Dia akan menjadi mulia dan Dia akan digelar Anak Allah Yang Maha Tinggi...”
- “Bagaimanakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan aku masih dara?” Maria bertanya. Malaikat itu menjawab, “Roh Kudus akan turun ke atasmu, dan kuasa Allah Yang Maha Tinggi akan menaungimu. Oleh itu, anak suci yang akan dilahirkan akan digelar Anak Allah.”
- Maria berkata, “Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu.”



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang: Dirinya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*

Gesaan tambahan: *Apakah sesuatu dalam Firman Tuhan yang anda harapkan dapat digenapi?*



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Lukas 1:38 “...Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu...”

Ayat-ayat tambahan: Ibrani 11:1, Mikha 5:2

Minggu 2: Sukacita



Soalan Pengenalan: **Beritahu kami tentang suatu masa apabila anda teruja.**



*Minggu lepas, kita memberi tumpuan kepada tema harapan dan membaca tentang malaikat Gabriel memperlihatkan diri kepada perawan(dara) Maria. Minggu ini, kita akan meneruskan cerita dalam **Lukas 1:39-56**, apabila sama seperti Jane teruja bahawa keluarganya akan bercuti dan James teruja apabila adik lelakinya akan dilahirkan tidak lama lagi (gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya), Maria dan saudaranya Elisabet sangat gembira dengan berita bahawa Maria akan melahirkan Penyelamat....*

Teruskan membaca cerita dari **Lukas 1:39-56**, termasuk peristiwa utama seperti:

- Maria pergi melawat saudara-maranya, Zakharia dan Elisabet. Elisabet juga mengandung (Yohanes Pembaptis), ini merupakan satu mukjizat kerana dia sudah tua.
- “Apabila Elisabet mendengar salam Maria, anak dalam kandungannya bergerak-gerak dan Elisabet dipenuhi Roh Kudus. Dia berseru, “Diberkatilah engkau antara kaum perempuan, dan berkatilah juga kandunganmu itu. Siapakah aku ini sehingga ibu Tuhanku datang kepadaku? Apabila kudengar salammu, anak dalam kandunganku bergerak-gerak dengan kesukaan. Diberkatilah kamu kerana mempercayai apa yang dikatakan kepadamu daripada Tuhan akan berlaku.”
- Maria berkata, “Jiwaku meninggikan Tuhan; rohku bergembira kerana Allah, Penyelamatku, kerana Dia mengingati hamba-Nya yang hina. Dari sekarang hingga selama-lamanya, orang akan berkata aku diberkati, kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perkara yang besar untuk aku. Sucilah Nama-Nya. Dia mengasihi mereka yang takut akan Dia, daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Dia telah menunjukkan kekuatan tangan-Nya; Dia telah mencerai-beraikan mereka yang berhati bongkak dalam pemikiran mereka. Dia telah menurunkan raja-raja daripada takhta mereka dan mengangkat tinggi orang yang hina; Dia telah memuaskan orang yang lapar dengan segala yang baik, tetapi orang kaya dihalau pergi dengan tangan kosong. Dia menolong bangsa Israel, hamba-Nya kerana Dia ingat akan belas kasihannya yang dijanjikan kepada nenek moyang kita Abraham dan semua keturunannya untuk selama-lamanya.”
- Maria tinggal bersama Elisabet selama tiga bulan. Selepas itu, dia pulang ke rumahnya.



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang: Dirinya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*

Gesaan Tambahan: Apakah sesuatu yang anda boleh bergembira dan berterima kasih kepada Tuhan? Bagaimanakah anda boleh berkongsi kegembiraan kelahiran Yesus?



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Lukas 1:47-49

“rohku bergembira kerana Allah, Penyelamatku...kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perkara yang besar untuk aku. Sucilah Nama-Nya.”

Ayat-ayat Tambahan: Filipi 4:4, Roma 15:13

Minggu 3: Kasih



Soalan pengenalan:

Apakah hadiah yang telah anda berikan kepada seseorang yang anda kasihi?



*Minggu lepas, kita memberi tumpuan kepada tema sukacita dan membaca tentang Maria dan Elisabet bergembira bahawa Maria akan melahirkan Penyelamat. Minggu ini, cerita itu diteruskan dalam **Matt. 1:18-25** dan **Lukas 2:1-7**. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) Benjamin memberikan anak lelakinya sebuah basikal, dan Jenny memberi adiknya sebuah anak patung. Sama seperti kita memberi hadiah untuk menunjukkan kepada orang lain bahawa kita mengasihi mereka, dalam cerita kita hari ini, kita membaca tentang bagaimana Tuhan menunjukkan kasih-Nya kepada kita dengan memberi kita hadiah Penyelamat. Yohanes 3:16 berkata begini: “Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.”
Inilah kisah bagaimana Tuhan memberi kita anugerah Anak-Nya...*

Teruskan membaca cerita dari **Matt. 1:18-25**, **Lukas 2:1-7**, dan **1 Yohanes 4:9-10**, termasuk peristiwa utama seperti:

- Semasa Maria bertunang dengan Yusuf, dia didapati hamil melalui Roh Kudus.
- Dalam mimpi, malaikat Tuhan memberitahu Yusuf, “Hai Yusuf, anak Daud! Janganlah takut mengambil Maria sebagai isterimu kerana anak di dalam kandungannya adalah daripada Roh Kudus. Maria akan melahirkan seorang anak lelaki. Namakanlah anak itu Yesus. Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka.” (**Mat. 1:20-21**). Apabila Yusuf terjaga, dia pun mematuhi apa yang disampaikan oleh malaikat Tuhan itu.
- Semua ini berlaku untuk menggenapi apa yang Tuhan telah katakan melalui nabi (**Yes. 7:14**) - “seorang anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia akan menamainya Immanuel.” yang bermaksud “Allah menyertai kita.” (Lihat juga **Ibr. 1:3, Kol. 1:15, dan Yoh. 14:9**.)
- Yusuf membawa Maria ke kampung halamannya, Betlehem, untuk mendaftarkan diri bagi pembancian. Ketika mereka berada di sana, Maria melahirkan seorang anak lelaki, dan mereka menamai-Nya Yesus, seperti yang dikatakan malaikat itu.
- **1 Yohanes 4:9-10** meringkaskan cerita seperti ini: “Begitu kasihnya Allah kepada kita sehingga Dia menghantar Anak-Nya yang tunggal ke dunia supaya melalui-Nya kita mendapat hidup yang kekal. Demikianlah kasih: bukannya kita mengasihi Allah tetapi Allah mengasihi kita lalu menghantar Anak-Nya sebagai korban pendamaian bagi dosa kita.”



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang: Dirinya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*

Gesaan tambahan: Minta Tuhan tunjukkan kepada anda bagaimana anda boleh berkongsi hadiah ini (Yesus) dengan orang lain.



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Yohanes 3:16

“Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.”

Ayat-ayat Tambahan : Ibr. 1:3, 1 Yoh. 4:9-10, Kol. 1:15, Yoh. 14:9

Minggu 4: Damai Sejahtera



Soalan Pengenalan: **Di mana dan bilakah anda berasa damai sejahtera?**



Minggu lepas, kita memberi tumpuan kepada tema kasih dan membaca tentang bagaimana Tuhan memberikan kita anugerah Anak-Nya, Yesus. Minggu ini, cerita itu diteruskan dalam Lukas 2:1-21. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan - contohnya,) Marilyn berasa damai sejahtera duduk di tepi air, dan Grant berasa damai sejahtera apabila dia tertidur. Hari ini kita akan membaca tentang ketika Tuhan mengutus malaikat untuk memberitahu beberapa orang gembala berita kelahiran Penyelamat, Raja Damai...

Teruskan membaca cerita dari **Lukas 2:1-21**, termasuk peristiwa utama seperti:

- Semasa Maria dan Yusuf berada di Betlehem, Maria melahirkan seorang anak lelaki. Dia membedung anak itu lalu membaringkan-Nya di dalam sebuah palung kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah tumpangan.
- Malaikat Tuhan muncul di hadapan beberapa orang gembala di padang lalu berkata, "Jangan takut! Aku membawa kepadamu berita baik yang akan memberikan sukacita besar kepada seluruh umat. Pada malam ini di kota Daud telah lahir seorang Penyelamat bagimu, iaitu Kristus, Tuhan. Inilah tandanya bagimu: Kamu akan menjumpai seorang anak dibedung dan dibaringkan di dalam sebuah palung."
- Tiba-tiba malaikat itu disertai oleh satu angkatan syurga yang besar memuji-muji Allah: "Kemuliaan bagi Allah di tempat yang maha tinggi dan damai sejahtera di bumi bagi orang yang berkenan pada hati-Nya." Kata-kata malaikat itu menggemakan apa yang Yesaya telah bernubuat lama dahulu: "Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita, seorang putera telah dikurniakan bagi kita... dan namanya akan disebut : Penasihat Ajaib, Allah Perkasa, Bapa Kekal, Raja Damai." (**Yes. 9:6**).
- Para gembala pergi dengan segera lalu menjumpai bayi itu yang sedang terbaring di dalam palung. "Setelah melihat bayi itu, mereka pun memberitahu segala yang telah dikatakan kepada mereka tentang anak itu."
- Maria menyimpan segala perkara ini dalam hatinya dan merenunginya. Kemudian gembala-gembala itu pulang sambil memuji-muji Allah atas segala yang didengar dan dilihat mereka.



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang: Dirinya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*

Gesaan tambahan: Aspek manakah dalam kehidupan anda, anda boleh meminta Tuhan untuk menjadi Bapa Kekal dan Raja Damai anda?



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Yesaya 9:6

“Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita, seorang putera telah dikurniakan bagi kita. Di atas bahunya tampuk pemerintahan, dan namanya akan di sebut: Penasihat Ajaib, Allah Perkasa, Bapa Kekal, Raja Damai.”

Ayat-ayat Tambahan: Yoh. 14:27, Ef. 2:17, Yes.11:1-10

Hari Natal



Soalan Pengenalan: **Apakah sesuatu yang istimewa yang telah anda saksikan (dilihat dengan mata anda sendiri)?**



Minggu lepas kita memberi tumpuan kepada tema damai sejahtera dan membaca tentang masa malaikat mengumumkan damai sejahtera kepada para gembala. Minggu ini, cerita itu diteruskan dalam **Lukas 2:22-33**. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – sebagai contoh,) Sama seperti Thomas melihat Air Terjun Niagara dengan matanya sendiri, dan Nancy dapat melihat anak saudaranya, dalam cerita hari ini, seorang lelaki bernama Simeon dapat melihat sesuatu dengan mata sendiri yang sudah lama dia menunggu: Penyelamat.

Teruskan membaca cerita dari **Lukas 2:22-33**, termasuk peristiwa utama seperti:

- Lapan hari selepas Yesus dilahirkan, Yusuf dan Maria membawa-Nya ke Bait Suci untuk mempersembahkan-Nya kepada Tuhan.
- Simeon adalah seorang yang salih yang sudah lama menunggu Penyelamat. “Roh Kudus telah memberitahunya bahawa dia tidak akan meninggal dunia sebelum dia melihat Kristus yang dijanjikan oleh Tuhan.”
- Roh memimpin Simeon ke dalam Bait Suci. Ketika dia melihat Yesus, Simeon mendukung Dia dan memuji Allah lalu berkata, “Ya Tuhan, sekarang biarlah hamba-Mu pergi dengan sejahtera, menurut firman-Mu: kerana matakmu telah melihat penyelamatan-Mu yang telah Kau sediakan di hadapan segala bangsa, satu cahaya yang akan menunjukkan jalan kepada bangsa-bangsa asing dan menjadi kemuliaan bagi umat-Mu Israel.” Maria dan Yusuf kagum mendengar apa yang dikatakan tentang anak itu.
- Bertahun-tahun kemudian, rasul Paulus menulis tentang Yesus: “Hal ini demikian kerana kasih kurnia Allah yang menyelamatkan seluruh umat manusia telah nyata. Kita diajar supaya hidup warak, tidak memburu keinginan duniawi, mengawal diri, ikhlas, dan menghormati Allah pada zaman ini.” (**Titus 2:11-12**).



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang Dirinya , diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*

Gesaan tambahan: *Bagaimanakah anda telah menyaksikan (melihat) penyelamatan Tuhan dalam kehidupan anda?*



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Lukas 2:30-31

“kerana mataku telah melihat penyelamatan-Mu yang telah Kausediakan di hadapan segala bangsa...”

Ayat-ayat Tambahan: Ef. 2:8-9, Rm. 6:23, Mrk. 5:19

Lampiran A: Doa Penyelamatan

Nota kepada ibu bapa—

Semasa anda menelusuri naratif Alkitab tentang Adven, anda mungkin ingin mengadakan perbincangan dengan keluarga anda tentang penyelamatan (menjadi anak Tuhan). Berikut adalah contoh doa penyelamatan:

Ya Bapa,

Semasa Adven, saya telah belajar bahawa Engkau telah menghantar Anak tunggal-Mu Yesus untuk menyelamatkan saya daripada dosa-dosa saya - iaitu, setiap perkara salah yang pernah saya lakukan atau akan lakukan, termasuk tidak percaya kepada-Nya.

Saya ingin memberitahu-Mu bahawa saya menyesal atas dosa saya, dan saya mahu hidup secara berbeza. Saya percaya bahawa Yesus mati untuk saya, bangkit dari kubur, dan telah mengampuni saya.

Saya tahu saya akan memerlukan bantuan-Mu pada masa hadapan, dan saya meminta-Mu menghantar Roh Kudus untuk membimbing saya.

Terima kasih.

Dalam nama Yesus, Amin.

A COLLABORATIVE EFFORT OF GLOBAL NETWORKS AND ORGANIZATIONS FOCUSED ON CHILDREN, YOUNG PEOPLE, FAMILIES, PRAYER, AND MISSION.

TOGETHER
for CHILDREN
and FAMILIES



Maklumat Hubungan:

Pebbles and Stones
info@PebblesandStones.com
www.PebblesandStones.com

Lausanne Children and Family Network
cnfnetwork@lausanne.org
<https://lausanne.org/network/children-and-family>

Malay Version by
Jonathan & Lan Siang Yeoh
Steffi Ann Tabari
jonathanyeahmy@gmail.com
www.komuniti-digital.com